



مجلس ائام اسلام دان عادة استعادة ملايو كلنتن



KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA 1442H/2021M

TARIKH BACAAN :

10 Zulhijjah 1442H/20 Julai 2021M

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي حَبَبَ إِلَيْنَا الْإِيمَانَ وَزَيَّنَهُ فِي قُلُوبِنَا، وَكَرَّهَ إِلَيْنَا الْكُفْرَ
وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ وَعَرَّفَنَا بِعُيُوبِنَا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ، بِكَمَالَةِ النَّفْسِينَ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ الَّذِينَ سَلَكَوا سَبِيلَهُ.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَخَرَّ ﴿٢﴾

Ertinya : Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu nikmat yang melimpah-ruah, kerana itu dirikanlah solat dan berkorbanlah dengan ikhlas kerana tuhanmu.

(Surah al-Kauthar : 1-2)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

Para jemaah Aidiladha yang dimuliakan !

Di pagi yang penuh berkat ini, marilah kita merafak rasa kesyukuran sedalamnya ke hadrat Allah SWT yang

telah mengurniakan nikmat kepada kita yang tidak upaya kita untuk menghitungnya.

Aidiladha tahun ini sekali lagi kita terpaksa menyambutnya dalam duka, muram akibat negara kita, negeri kita ini masih bergelut dengan musibah COVID-19, yang telah memberi kesan yang begitu besar terhadap kehidupan kita. Pelbagai ketakutan dan kesusahan dapat dirasakan, baik dari sudut ekonomi, mata pencarian, pelajaran anak-anak kita, sosial, malah aktiviti dan kegiatan agama tertangguh dan terencat.

Pelaksanaan solat Aidiladha sebagai contoh, kehadirannya masih terbatas. Perkara seumpama ini bukan sahaja berlaku di tempat kita malah di seluruh dunia, termasuklah di Mekah dan di Madinah. Ibadat Haji pun ditangguhkan, hanya dibenarkan kepada rakyat tempatan dengan bilangan sangat terhad. Walaubagaimanapun kita bersyukur kita masih boleh menikmati nikmat terbesar yang dikurniakan Allah kepada kita iaitu nikmat Iman dan Islam. Keimanan kita masih teguh, Islam kita semakin kukuh.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

Para jemaah Aidiladha yang dimuliakan !

Aidiladha yang kita rayakan dari tahun ke tahun sememangnya banyak memberi pelajaran yang amat berharga. Kita sentiasa mengambil pelajaran dan hikmah daripada ibadat haji, ibadat korban dan meneladani contoh yang ditunjukkan oleh nabi Ibrahim AS dan keluarganya.

Sungguh banyak pelajaran, hikmah dan nilai rohani yang dapat kita gali daripada pelaksanaan ibadat korban dan pengorbanan Nabi Ibrahim AS bersama

keluarganya. Nabi Ibrahim AS adalah tokoh bapa mithali yang perlu dijadikan contoh kepada ayah-ayah masa kini. Nabi Ibrahim AS amat mencintai anak dan isterinya, tetapi kecintaannya terhadap Allah SWT di atas segala-galanya. Dia rela mengorbankan apa sahaja hingga puteranya sendiri, bagi menjunjung perintah Allah SWT, menerimanya tanpa dolak dalih. Godaan iblis yang tak henti-henti tidak mampu menggoncang iman, bahkan semakin kukuh.

Siti Hajar sebagai isteri dan ibu mithali yang kuat imannya, sangat setia kepada suami dan sangat sayang kepada puteranya. Ibu mithali ini perlu diteladani oleh para ibu masa kini. Dia seorang ibu yang sangat sabar dan tabah. Meskipun ditinggalkan suami seorang diri di gurun pasir yang kering kontang. Dia rela berkorban dan mengorbankan apa sahaja untuk menjunjung perintah Allah SWT. Walaupun godaan syaitan mengiurkan, dia berjaya menolak semua godaan. Kesetiaan seorang isteri kepada suami dan kesabaran menghadapi cabaran, rintangan dan halangan adalah sumber kebahagiaan keluarga dan rumah tangga. Peranan ibu sangat penting dalam mencorak warna yang baik, bagi membentuk watak, sikap anak-anak menjadi anak-anak yang soleh.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Para jemaah Aidiladha yang dimuliakan !

Perhatikan pula tokoh remaja, Ismail AS. Dia adalah tokoh remaja mithali yang perlu ditiru oleh para remaja kita pada masa ini. Pengorbanannya terlalu tinggi. Dia rela mengorbankan nyawa sendiri, sebuah pengorbanan yang luar biasa, sekaligus mencerminkan akhlak yang mulia. Ketika ayahandanya, Nabi Ibrahim AS memberitahu kepadanya tentang perintah Allah SWT untuk menyembelihnya, apa jawapan Ismail AS?

قَالَ يَتَأْتِ أَفْعَلًا مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٢﴾

Ertinya : Ismail menjawab, “Wahai ayahanda kesayanganku, laksanakanlah apa yang diperintahkan kepada ayahanda. InsyaAllah ayahanda akan mendapatiku termasuk daripada kalangan orang yang bersabar.”

(**Surah as-Saffat** : 102)

Kita sangat memerlukan para remaja, belia yang berjiwa besar, berakhlak mulia, yang ikhlas dan berani berkorban untuk agama, bangsa dan negara. Sesungguhnya di tangan para remaja, belialah terletak kejayaan bangsa dan ummah.

" إِنْ فِي يَدِ الشُّبَّانِ أَمْرَ الْأُمَّةِ وَفِي أَقْدَامِهِمْ حَيَاتَهَا "

Maksudnya : Sesungguhnya di tangan pemudalah terletak kejayaan umat Islam dan pada keteguhan langkah kaki merekalah hidup mati ummah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Para jemaah Aidiladha yang dimuliakan !

Mengambil pelajaran, hikmah daripada ibadat haji, ibadat korban, serta teladan daripada Nabi Ibrahim AS dan keluarganya, dapat dirumuskan bahawa kita perlu berkorban untuk bangunkan semula kekuatan umat Islam. Bangunkan semula kehidupan yang terkesan daripada musibah COVID-19, kita tidak boleh lumpuh, patah semangat. Untuk itu, kita perlu berbuat sesuatu, antaranya :

Yang pertama : Aqidah keimanan kepada Allah SWT perlu diperkukuhkan dan dipertingkatkan. Dalam menghadapi COVID-19 ini kita perlu memiliki prinsip yang

tegas baik dalam keadaan macam mana sekalipun. Kita tidak lupa kepada Allah SWT, kita tidak lupa diri pada saat mengalami kesusahan, seperti kekurangan harta benda, mahupun ancaman-ancaman yang tidak menyenangkan kita.

" عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ لَهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ
إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَتْ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَتْ
خَيْرًا لَهُ "

Maksudnya : Hebat dan sungguh menakjubkan urusan orang mukmin, sesungguhnya semua urusannya baik belaka kepadanya, dan tidak ada yang demikian itu selain daripada orang mukmin. Kalau dia mendapat kesenangan dia bersyukur, dan itu adalah kebaikan baginya. Kalau dia ditimpa kesusahan, dia bersabar, dan itu adalah kebaikan kepadanya.

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Yang kedua : Membangun kekuatan akhlak mulia. Sebilangan masyarakat berdepan dengan musibah COVID-19 ini, memperlihatkan berlaku kemerosotan akhlak. Padahal akhlak suatu yang sangat penting.

" إِنَّمَا الْأُمَّمُ الْأَخْلَاقُ مَا بَقِيَتْ، وَإِنْ هُمُوهُ ذَهَبَتْ أَخْلَاقُهُمْ ذَهَبُوا "

Maksudnya : Sesungguhnya tegak umat kerana berkakhlak luhur, bila akhlak lenyap umat turut hancur.

Yang ketiga : Memperkasakan Ukhuwah Islamiah rasa persaudaraan sesama Islam. Kualiti ummah ditingkatkan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿١﴾ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١﴾

Ertinya : Sesungguhnya orang mukmin itu semuanya bersaudara, sebab itu damaikanlah persengketaan antara kedua saudaramu ini. Bertakwalah supaya kamu mendapat rahmat.

(Surah al-Hujurat : 10)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

جَعَلْنَا اللَّهُ وَإِيَّاكُمْ مِنَ الْفَائِزِينَ الْأَمِينِ، وَأَدْخَلْنَا وَإِيَّاكُمْ مِنْ زَمْرَةِ
الْمُوحِدِينَ وَقُلْ رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ.

KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ،

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ هُوَ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ، أَشْهَدُ أَنْ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ لَأَنْبِيَّ بَعْدَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى النَّبِيِّ الْكَرِيمِ وَالرَّسُولِ الْعَظِيمِ سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَمَنْ
أَحَبَّهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَارَ الْمُتَّقُونَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ يَوْمَنَا خَيْرًا مِنْ أَمْسِنَا، وَاجْعَلْ غَدَنَا خَيْرًا مِنْ يَوْمِنَا،
وَأَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، وَأَجِرْنَا مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الآخِرَةِ.
اللَّهُمَّ اجْعَلْ خَيْرَ أَعْمَالِنَا أَوَاخِرَهَا، وَخَيْرَ أَعْمَالِنَا حَوَاتِيمَهَا وَخَيْرَ أَيَّامِنَا
يَوْمَ نَلْقَاكَ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْغَلَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ
مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطُنَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءً رَخَاءً
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ بِحِفْظِ
وَقَايَتِكَ الصَّمَدِيَّةِ مَلِكَنَا السُّلْطَانَ سَلْطَانَ مُحَمَّدٍ كَلِيمٍ، سَلْطَانَ لِيُولَايَةِ
كَلَنْتَانَ دَارِ النَّعِيمِ. اللَّهُمَّ احْفَظْهُ فِي نَفْسِهِ وَأَهْلِهِ وَقَرَابَتِهِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمرَهُ
مُصْلِحًا لِلرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،

وَوَفِّقْنَا اللَّهُ وَإِيَّاكُمْ لِكُلِّ فِعْلٍ حَمِيدٍ، وَأَعَادَ عَلَيْنَا وَعَلَيْكُمْ مِنْ بَرَكَاتِ
هَذَا الْيَوْمِ السَّعِيدِ، وَأَدْخَلْنَا وَإِيَّاكُمْ الْجَنَّةَ مَعَ الْفَائِزِينَ الَّذِينَ دَعَوْاهُمْ فِيهَا
سَلَامًا وَآخِرُ دَعْوَاهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

دسدياكن دان دسيمق اوليه :

فانيل خطبة مجلس اكمام اسلام كلتنن.

(sila layari : www.e-maik.my)